



# Berita PKINK

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN

Bil. 2/2005 April - Jun 2005/Safar - Jamadilawal 1426

[www.pkink.gov.my](http://www.pkink.gov.my)

edaran Percuma

## Menarik di dalam



m. surat 3  
Majlis  
Tandatangan  
perjanjian  
Infra Quest -  
TELCO.



m. surat 4  
Penghayatan  
Kota Bharu  
Bandaraya  
Islam



m. surat 6  
PKINK bantu  
golongan  
yang  
memerlukan



m. surat 7  
Mesyuarat  
Agung  
Koperasi



m. surat 8  
Perjanjian  
jual beli KB  
Bazaar



m. surat 9  
Sambutan  
Maulidur  
Rasul



m. surat 10  
ruangan ICT

m. surat 11  
PKINK Johari  
Plaza YAM  
Tengku  
Temenggong  
Kelantan

**Lawatan Familiarisasi 11 Anggota Tinjau Peluang Pelaburan dan Mendapat Maklumat Mengenai Kelantan**

## PERWAKILAN PERDAGANGAN ASING LAWAT KELANTAN

Kota Bharu, 5 Jun – Seramai 11 anggota perwakilan perdagangan asing yang dalam rangka lawatan familiarisasi ke tiga (3) buah negeri Pantai Timur dari 5 hingga 10 Jun telah mengadakan lawatan pertama ke Kelantan pada 5 hingga 6 Jun yang lalu. Lawatan tersebut bertujuan untuk bertukar-tukar pandangan serta mendapat maklumat yang lebih jelas mengenai negeri Kelantan.

Rombongan tersebut diketuai oleh Pengarah Eksekutif Malaysian-German Chamber of Commerce & Industry, Dr Rainer Herre. Anggota delegasi terdiri

dari pihak Setiausaha Kedua Kedutaan Republik Rakyat China, Mr Xie Guoxing; Kaunselor Ekonomi Republik Persekutuan Jerman, Mr. Wolfgang Trautman; Timbalan Pesuruhjaya Tinggi India di Malaysia, Mr Sanjay Panda; Kaunselor Perdagangan



YB Tuan Haji Zulkifli menyampaikan ucapan semasa merasmikan sambutan di Perdana Resort

Kedutaan Switzerland, Mr Jang Seok Gu; Kaunselor Ekonomi dan Perdagangan Kedutaan Sepanyol, Mr Antonio Garcia Rebollar; Setiausaha Kedua (Pengurus Perdagangan Kanan, Minyak dan Gas) Suruhanjaya Tinggi British, Mr Gary Scroby; Pesuruhjaya Perdagangan Kedutaan Belanda, Mr Kok Johannes Antonius; Ketua (Pejabat Malaysia) bagi Persekutuan Industri India di Malaysia,



Rombongan bersamaan kenangan dalam majlis makan malam di Perdana Resort

bersambung m. surat 5

Majlis Pelancaran Rasmi Penjualan Kondominium Pelangi

## MB LANCAR KONDOMINIUM PELANGI

Kota Bharu, 23 Jun 2005 - Majlis pelancaran rasmi Kondominium Pelangi telah diadakan pada 23 Jun lalu dan telah disempurnakan oleh Menteri Besar Kelantan, YAB Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz Nik Mat.

Turut hadir pada pelancaran tersebut ialah Speaker Dewan Negeri Kelantan, YB Hj. Wan Abdul Rahim Wan Abdullah, Pengurus Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan dan Kesihatan, YB Hj. Takiyuddin Hj. Hassan, Pengurus Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan & Perpaduan Masyarakat, YB Dato' Hj. Anuar Tan Abdullah, Pengurus Jawatankuasa Pembangunan Wanita, Belia & Sukan, YB Hj. Abdul Fatah b. Mahmood, Timbalan Speaker, YB Hj. Nassaruddin Hj. Daud, Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Tn. Hj. Hanifa Ahmad, Wakil-Wakil Rakyat, Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai PKINK dan tetamu jemputan.

bersambung m. surat 5



MB merasmikan sebagai tanda pelancaran rasmi penjualan Kondominium Pelangi



## Dari Meja Ketua Editor

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.



Alhamdulillah bersyukur kita ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurniaNya kita dapat bertemu lagi dalam Berita PKINK Bilangan 2/2005.

Di ruangan ini, Sidang Editor ingin mengambil peluang untuk mengingatkan semua anggota kumpulan Perbadanan mengenai gerak kerja dan tindakan kita sepanjang suku pertama dan kedua tahun 2005 terutama dari segi tugas dan amanah yang telah kita laksanakan untuk merealisasikan hasrat pihak pengurusan terutama menterjemahkan ucaptama Ketua Eksekutif dalam bentuk tindakan.

Tindakan yang kita laksanakan mestilah seiring dan memenuhi kehendak serta tuntutan prinsip-prinsip Ubudiah, Mas'uliah dan Itqan. Di samping itu, pengamalan budaya kerja cemerlang dan beretika terutama pelaksanaan konsep 'time management' yang efektif mestilah sentiasa diberi perhatian utama dalam diri setiap anggota bagi memastikan peningkatan kecekapan dan prestasi kerja.

Pada tahun ini juga, dasar latihan sumber manusia yang baru akan dilaksanakan di mana setiap anggota akan diwajibkan mengikuti kursus dan latihan sekurang-kurangnya 7 kali dalam masa setahun. Dasar ini ialah sebagaimana yang telah ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 yang telah menggariskan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam. Bagi menyokong dasar tersebut, Bahagian PSM akan menyusun pelan latihan yang merangkumi struktur dan program-program latihan yang lebih sistematis dan komprehensif untuk memastikan setiap anggota PKINK dilengkapi dengan latihan berdasarkan kompetensi dan pembelajaran berterusan.

Pihak pengurusan berharap agar semua anggota kumpulan PKINK dapat meningkatkan kerjasama dan bekerja secara tersusun dan cekap bagi memastikan kejayaan kumpulan PKINK yang lebih baik untuk suku ketiga dan keempat tahun 2005, insya Allah.

### RENUNGAN

"Boleh jadi kamu membenci sesuatu, padahal ia amat baik bagimu, dan boleh jadi pula kamu menyukai sesuatu, padahal ia amat buruk bagimu. Allah mengetahui sedang kamu tidak mengetahui."

*Surah Al-Baqarah Ayat 216*

### PETIKAN KATA-KATA

"Sesebuah organisasi amat bertuah sekali jika mempunyai pemimpin yang mengamalkan syura dan mempunyai keyakinan diri untuk membuat pendirian selepas memikirkan baik buruk sesuatu keputusan, menerima kritikan secara objektif dan membela pula secara membina, memastikan bahawa ketaatan bersama di kalangan para pekerja tidak tergugat dengan memastikan bahawa masing-masing berpeluang memberi sumbangan pendapat yang akan diperlimbahkan oleh pihak pemimpin."

*YAB Tuan Guru Dato' Hj. Nik Abd Aziz Nik Mat,  
Menteri Besar Kelantan  
24 Muharram 1415/4 Julai 1994*

## SIDANG EDITOR

### PENAUNG

YBrs. Tuan Haji Hanifa Ahmad

### PENASIHAT

YBrs. Tuan Hj. Wan Adnan Wan Ab. Kadir

### KETUA EDITOR

YBrs. Mohd Fauzi Hj. Taib

### EDITOR

En. Mohd Roslan Mohd Zain

### PENOLONG EDITOR

YM. Tengku Petra Tengku Wook  
Pn. Sofia Aizan Che Soh  
Pn. Zakiah Mohamed

### PENGARANG

En. Ahmad Nazri Ismail  
Pn. Nik Farzimar Nik Omar  
Pn. Ahlaami Ab. Halim  
Pn. Teh Mariam Mohamed  
Pn. Hawa M. Salleh  
En. Rosdi Said  
En. Mohd Ramli Hamzah  
En. Zainul Armin Mat Zin

### JURUFOTO

YM. Tengku Petra Tengku Wook



Berita Kumpulan PKINK diterbitkan oleh:  
BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA  
Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan  
Tingkat 8 - 11, Bangunan PKINK,  
Jalan Tengku Maharani,  
Peti Surat 142,  
15710 Kota Bharu,  
Kedah.  
[www.pking.gov.my](http://www.pking.gov.my)  
tel: 09-7414141  
fax: 09-7414140

Dicetak oleh:  
PERCETAKAN MURSHID ENTERPRISE  
Lot 63, Hadapan Wisma Persekutuan  
Jalan Bayam  
15200 Kota Bharu  
Tel: 09-7472313

# Infra Quest Sdn Bhd (IQSB) dan Telecommunication Operators (TELCO) Tandatangani Perjanjian bagi Program Time 2

Sehubungan dengan seruan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi bagi memperluaskan perkhidmatan telefon selular di seluruh negara, IQSB salah sebuah syarikat dalam Kumpulan PKINK telah dilantik sebagai State Back Company (SBC) oleh Kerajaan Negeri Kelantan. Pada 3 April 2005, IQSB telah diberi lesen NFP (Network Facilities Provider) oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia bagi membina menara telekomunikasi untuk seluruh Negeri Kelantan.

Pada 28 April 2005 lalu, satu majlis menandatangani perjanjian di antara SBC setiap negeri dengan Telco (Celcom, Maxis dan Digi) berlangsung

di Hotel Palace of Golden Horses, Selangor. IQSB diwakili oleh Tuan Haji Mohd Sabri Abdullah Pengurus Besar Permodalan Kelantan Bhd selaku Pengarah Eksekutif IQSB, Tuan Haji Mohd Ezanee Adam Penasihat Teknikal IQSB dan En. A'sri Ali Pengurus Besar IQSB.

Dengan termeterai perjanjian ini, IQSB telah memperolehi hak membina dan memiliki menara sendiri, dimana sebanyak 55 menara telekomunikasi baru akan dibina pada tahun ini dan akan disewakan kepada ketiga-tiga Telco.

Menara telekomunikasi ini akan dikongsikan perkhidmatannya oleh 3 "service provider" iaitu:

- Celcom (M) Bhd - 013 dan 019
- Maxis Broadband SB - 012 dan 017
- Digi Telecommunicatioan SB - 016

Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi telah memutuskan agar liputan penuh ke seluruh negara dicapai pada Disember 2006. "National Coverage Extension & Improvement" ini akan disempurnakan dalam dua fasa (Time 2A dan Time 2B) iaitu berakhir Disember 2005 dan Disember 2006.

IQSB diberi tanggungjawab penuh oleh Kerajaan Negeri Kelantan dan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi supaya Program Time 2 mencapai objektifnya.



Tuan Haji Md. Sabri Abdullah Pengurus Besar PKB menjalankan Infra Quest di Majlis Menandatangani Perjanjian antara SBC setiap Negeri dengan Telco.



Majlis menandatangani perjanjian antara SBC setiap Negeri dengan Telco diadakan di Hotel Palace of Golden Horses.

## PKINK menyertai EKNA dan Enterprise Asia 2005

Ekspo Keusahawanan Nasional (EKNA) dan Enterprise Asia 2005 telah dianjurkan serentak oleh Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM). Ekspo ini yang mendapat sokongan daripada agensi-agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) berlangsung dari 9 - 11 Jun 2005 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur. PKINK melalui Bahagian Pembangunan Usahawan sebagai unit pelaksana program keusahawanan bagi negeri Kelantan turut serta dalam ekspo tersebut.

Peranan PKINK melalui penyertaan dalam ekspo ini adalah sebagai orang tengah atau platform yang menghubungkan pengusaha-pengusaha industri kecil kepada pasaran luar serta mana-mana pihak yang berminat untuk mendapatkan produk-produk secara pukal. Bagi tujuan tersebut beberapa produk makanan

pasaran seperti Kacang Tumbuh, Popia Kecil, Curry Puff Kecil, Bepam, Sagong, Serunding Daging, Serunding Ikan dan Dodol telah dipamerkan. Jus Rosselle keluaran Murni Marketing, salah sebuah syarikat dalam kumpulan PKINK telah dipamerkan untuk tujuan yang sama.

Sepanjang tiga hari ekspo tersebut berlangsung, banyak pihak yang tampil dan menunjukkan minat untuk mendapatkan produk-produk tersebut bagi pasaran di Pantai Barat terutamanya di musim-musim perayaan. Komen positif yang diterima ialah mengenai kualiti pembungkusan dan pelabelan produk-produk tersebut yang perlu dipertingkatkan oleh pengusaha-pengusaha di negeri Kelantan. Risalah-risalah mengenai produk-produk tersebut juga perlu bagi menjalankan promosi secara berkesan.



Antara barang yang di bawa oleh PKINK sempena Ekspo Keusahawanan Nasional

## Taklimat Wasiyyah Syarie

Perlantikan wasi merupakan elemen terpenting di dalam penulisan wasiat. Ini kerana seorang wasi mestilah amanah dan adil, kerana tanggungjawabnya adalah memastikan harta simti diagihkan secara adil dan setiap waris yang sah dan layak menerima bahagian mereka.

Di atas kesedaran ini PKINK menerima kunjungan dari wakil Wasiyyah Shoppe untuk menyampaikan taklimat mengenai kepentingan penulisan wasiat pada 1 Rabiulakhir 1426/10 Mei 2005 jam 3.00 petang bertempat di Bilik Operasi PKINK.

Bayaran yang dikenakan untuk membuat wasiat ialah RM250 untuk pakej asas hingga bermula RM2,500 untuk golongan usahawan.

Golongan-golongan yang patut berwasiat ialah:

1. Orang yang tidak mempunyai anak
2. Seseorang yang tidak mempunyai anak lelaki
3. Seseorang yang mempunyai anak di bawah umur 18 tahun
4. Seseorang yang mempunyai anak angkat/tiri
5. Ibu/bapa tunggal



Wakil dari Wasiyyah Shoppe menyampaikan taklimat

## Taklimat Penghayatan Kota Bharu Bandar Raya Islam

Satu taklimat mengenai falsafah dan konsep Kota Bharu Bandar Raya Islam telah dianjurkan oleh PKINK pada 8 Rabiul Akhir 1426 bersamaan 17 Mei 2005 bertempat di Bilik Operasi PKINK. Taklimat tersebut bertujuan memberi penjelasan dan kefahaman kepada semua anggota kumpulan PKINK mengenai konsep Kota Bharu Bandar Raya Islam.

Taklimat telah disampaikan oleh Ketua Sekretariat Bandar Raya Islam MPKB, Ustaz Nik Mahadi Nik Mahmud. Dalam taklimatnya, beliau telah menjelaskan lebih lanjut mengenai falsafah pembentukan Kota Bharu Bandar Raya Islam yang berpaksikan kepada al-Quran dan al-Sunnah bagi memastikan terpeliharanya lima keperluan hidup manusia iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harla benda.

Hasrat untuk menjadikan Kota Bharu sebagai Bandar Raya Islam telah diilhamkan oleh YAB Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz b. Haji Nik Mat Menteri Besar Kelantan pada tahun 1992.

Pada 6 November 2003, Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Kerajaan Tempatan Negeri Kelantan telah meluluskan kertas "Rancangan Pembentukan Kota Bharu Bandar Raya Islam 2005". Pada 20 Februari 2005 YAB Dato' Menteri Besar Kelantan telah merasmikan Majlis Pelancaran Kota Bharu Bandar Raya Islam di Dewan Jubli Perak MPKB.

Dalam ucapan perasmiannya, YAB Dato' telah menggariskan ciri-ciri utama Kota Bharu Bandar Raya Islam, iaitu *keilmuan, kepatuhan, kebijakan, kebersihan dan kesejahteraan*.

Bagi menjayakan perancangan tersebut, MPKB sebagai agensi pelaksana telah mengatur pelbagai program dari masa ke semasa. Penerangan kepada rakyat akan disampaikan melalui taklimat-taklimat kepada kakitangan kerajaan, NGO, peniaga-peniaga, pelajar dan remaja. Disamping itu juga program-program seperti Pertandingan Kebersihan, Seminar, Debat, Kempen dan juga Ekspo Sejarah dan Tamadun Islam akan diadakan.



Anggota PKINK yang hadir semasa sesi Taklimat Kota Bharu Bandar Raya Islam



Ustaz Nik Mahadi Nik Mahmud Ketua Sekretariat Bandar Raya Islam MPKB

## Taklimat oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)

Berikut penggunaan borang cukai pendapatan yang baru, LHDN telah djemput ke PKINK untuk memberi taklimat mengenai kaedah pengisian borang yang betul dan tepat. Taklimat tersebut telah diadakan pada hari Isnin 2 Rabiul Awal 1426 (11 April 2005) jam 3.00 petang di Bilik Mesyuarat Utama PKINK.

Antara perkara yang ditekankan dalam taklimat LHDN tersebut ialah:

1. Ruangan no. polis dan no. tentera (oleh kerana tidak berkaitan) maka hendaklah ditulis angka sifar (ruang tidak boleh ditinggalkan kosong.)
2. Oleh kerana borang ini adalah borang berkomputer maka angka-angka hendaklah diisi dari sebelah kanan ke kiri.
3. Pada ruangan jenis taksiran, bagi isteri tidak bekerja maka hendaklah diisi dengan angka sifar (tidak angka 1 atau 2.)
4. Pada ruangan penggajian, amaan yang dimasukkan adalah amaan eluan keraian, eluan perumahan dan eluan khidmat awam; termasuk yang lain-lain misalnya eluan lebih masa.
5. Bagi perubatan ibu bapa, pembayar cukai dinasihatkan menyimpan resit dari doktor, klinik atau sebagainya, kerana item ini diberi pelepasan hingga RM 5,000.00 setahun.
6. Pembelian buku atau majalah diberi pelepasan sebanyak RM 500.00 setahun tetapi tidak termasuk surat khabar.
7. Rebah fitrah tidak memerlukan resit.

Taklimat yang dihadiri oleh kira-kira 20 orang pegawai dan kakitangan itu selesai pada jam 4.00 petang selepas satu sesi soal jawab ringkas.



Anggota PKINK di beri penjelasan cara-cara mengisi borang baru LHDN

## RUANGAN BERITA

sambungan dari m. surat 1

### Lawatan Perwakilan Asing Ke Kelantan

Mr. Raman Santish dan Pengarah Eksekutif Majlis Perniagaan Malaysia Australia, Ms Audrey Clare Danasamy.

Lawatan Familiarisasi tersebut dikendalikan oleh Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) dengan diri ringi oleh 5 orang pegawai MIDA yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Bahagian Promosi Pelaburan Luar MIDA, En. N. Rajendran bersama dua orang Penolong Pengarah dari Bahagian Promosi Pelaburan Luar, dan masing-masing seorang Penolong Pengarah dari Bahagian Sokongan Industri dan Bahagian Komunikasi dan Media.

Unit Perancang Ekonomi Negeri Kelantan (UPEN) dan Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) telah menjadi tuan rumah kepada anggota rombongan tersebut. Para perwakilan perdagangan asing tersebut telah diraikan dalam majlis makan tengahari pada 5 Jun dan dibawa melawat ke zon Industri songket, batik dan krafangan di Penambang, Kota Bharu.

Pada sebelah malamnya, anggota rombongan telah diraikan oleh Timbalan Menteri Besar Kelantan, Yang Berhormat Dato' Hj. Ahmad Yaakob dalam satu majlis makan malam di Perdana Resort. Pengurus Jawatankuasa Perdagangan, Perindustrian dan Sumber Manusia Negeri Kelantan, Yang Berhormat Hj. Zulkifli Mamat telah menyampaikan ucapan bagi pihak Kerajaan Negeri Kelantan bagi mengalu-alukan kedatangan perwakilan perdagangan asing ke negeri Kelantan.

Semasa berucap, YB Zulkifli telah melahirkan rasa berbesar hati dan berterima kasih di atas kerjasama dan usaha semua pihak terutama MIDA, dalam menjayakan lawatan perwakilan perdagangan asing ke Kelantan, terutama bagi meninjau dan mendapat maklumat mengenai prospek-prospek pelaburan dan pembangunan di negeri Kelantan. Menurut beliau lagi, banyak insentif yang disediakan oleh Kerajaan Negeri untuk pelabur-pelabur asing yang berminal untuk melabur di negeri ini.

Dr Rainer Herret, ketua delegasi perwakilan asing ketika menyampaikan ucapan bagi pihak semua anggota rombongan telah melahirkan rasa gembira kerana berpeluang melawat Kelantan serta mengucapkan terima kasih terutama kepada Dato' Timbalan Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Kelantan khasnya kerana telah menjadi tuan rumah dan meraikan rombongan.

Pada hari kedua sesi lawatan ke Kelantan, anggota perwakilan perdagangan asing tersebut telah mengikuti taklimat mengenai negeri Kelantan dan prospek pelaburan oleh

Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan PKINK bertempat di Bilik Gerakan Negeri, Kota Darul Naim. Taklimat telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah UPEN dan Ketua Eksekutif PKINK, Hj. Hanifa Ahmad.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Bahagian Promosi Pelaburan Luar MIDA berkata, maklumat mengenai negeri Kelantan dan peluang-peluang yang ada di negeri ini tidak dikehendaki secara meluas sebelum ini.

Rombongan perwakilan perdagangan asing kemudiannya dibawa melawat ke bandar Rantau Panjang, Info Galeri Tengku Anis-Sungai Golok, di Pengkalan Kubor, Tumpat dan Taman Industri Marin di Tok Bali. Lawatan tersebut diri ringi oleh Pengarah MIDA Kelantan, Ketua Eksekutif PKINK, para pegawai PKINK serta pegawai UPEN.

Di samping itu, anggota delegasi juga mendengar taklimat PKINK mengenai cadangan projek 'Supply Base Area' oleh PKINK dan Globaltech Sdn. Bhd. di kawasan berhampiran muara Sungai Golok, Pengkalan Kubor.

Lawatan akhir delegasi ialah projek Taman Industri Marin di Tok Bali dan mengikuti taklimat ringkas mengenai projek tersebut yang disampaikan oleh pegawai PKINK.

Anggota rombongan bertolak ke Terengganu pada 7 Jun untuk sesi lawatan seterusnya ke Terengganu dan Pahang.



Pengarah Eksekutif Malaysian-German Chamber of Commerce & Industry, Dr. Rainer Herret (Ketua Delegasi) berucap di majlis makan malam di Perdana Resort.



Rombongan diberi taklimat oleh UPEN dan PKINK di Kota Darulnaim.



Rombongan diberi penjelasan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK mengenai cadangan pembinaan 'Supply Base area' di Tumpat.

sambungan dari muka surat 1

### MB Lancar Kondominium Pelangi

Projek tersebut merupakan satu projek usahasama antara PKINK dan Finconsult Sdn Bhd, sebuah syarikat swasta. Projek ini yang dimulakan pada tahun 2003 dan telah tergenda pada beberapa ketika, telah dijalankan semula mulai awal tahun 2005.

Komponen projek termasuklah rumah kedai 3 tingkat, kondominium dengan keluasan binaan 880 - 1600 kaki persegi dan arked membeli belah. Kos pembinaan adalah melebihi RM105 juta. Projek ini juga telah mewujudkan peluang pekerjaan kepada hampir 190 orang rakyat tempatan.

Antara kemudahan yang disediakan ialah khidmat kawalan 24 jam, tempat letak kereta untuk setiap unit kondominium, kolam renang, gimnasium dan sauna, pintu masuk

yang berasingan untuk penghuni, tempat permainan kanak-kanak dan dewan komuniti.



YAB Tuanku Guru MB diiringi Ketua Eksekutif PKINK (dua dari kiri), Pengarah Finconsult (ketiga belakai) dan anggota exec-mewakili 'Show House' Kondominium Pelangi.



Antara jemputan yang hadir

## PKINK Bantu Golongan Yang Memerlukan

Pasir Mas, 11 April, PKINK terus prihatin terhadap isu kebajikan masyarakat bila tampil menyumbang derma kepada seorang pesakit kronik, Nur Fatihah Zakaria, 20 bulan di Kg. Padang Bunut Susu, Pasir Mas, 11 April lalu.

Sumbangan PKINK sebanyak RM2,000 telah disampaikan oleh Yang Berhormat Haji Husam Musa, Exco Pentadbiran Awam, Perancangan Ekonomi, Kewangan & Pembangunan Masyarakat kepada ibu bayi tersebut, Puan Husmiyah bt. Ahmad, di rumahnya Kg. Padang Kala, Bunut Susu, Pasir Mas. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Haji Hanifa Ahmad, dan Penyelia DUN Tendong, Enok Ab. Hamid Aziz.

Sumbangan PKINK ini merupakan salah satu usaha PKINK bagi membantu golongan masyarakat yang kurang berkemampuan samada kerana kemiskinan atau sebab-sebab lain.

Nur Fatihah dilahirkan dengan keadaan ususnya di luar dan menanggung pelbagai penyakit kronik lain termasuk jantung berlubang memerlukan beberapa pembedahan bagi membolehkannya hidup sempurna sebagaimana bayi-bayi lain. Bayi tersebut juga mengidap Sindrom Down, pekak dan



YBrs Hj. Husam Musa sedang menyampaikan sumbangan kepada Puan Husmiyah

ketiadaan anak tekak yang menyebabkannya tidak boleh menelan makanan.

Puan Husmiyah berkata, beliau tidak dapat bekerja untuk menyara anak-anaknya kerana Nur Fatihah perlu dijaga sepenuh masa. Menurutnya lagi, Nur Fatihah memerlukan susu khas dan keperluan-keperluan lain termasuk lampin pakai buang dan kapas kerana keadaan ususnya yang terletak di luar. Tiga lagi anaknya masih bersekolah, masing-masing berumur 15 tahun, 14 tahun dan 8 tahun.

Beliau berterima kasih kepada PKINK atas sumbangan tersebut, memandangkan keadaan keluarganya sekarang amat memerlukan sumbangan daripada orang ramai.

## Konvensyen Program Usahawan Muda (PUM) Peringkat Negeri Kelantan

Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK (BPU) sejauh sekretariat PUM telah mengadakan Konvensyen Program Usahawan Muda Peringkat Negeri Kelantan pada 26 hingga 28 April 2005 lalu. Konvensyen selama tiga hari yang diadakan di Perdana Resort Pantai Cahaya Bulan telah disertai oleh 24 buah sekolah yang mengikuti program PUM membabitkan seramai 79 orang pelajar lelaki, 77 orang pelajar perempuan, 15 orang guru pembimbing lelaki dan 32 orang guru pembimbing wanita.



Antara peserta yang mengikuti konvensyen

Pengendalian program dan penganjuran Konvensyen Program Usahawan Muda yang diadakan secara tahunan adalah lebih daripada medan untuk menentukan pemenang-pemenang anugerah, di mana ia merupakan platform untuk mendorong dan mengukur tahap kesungguhan dan pengetahuan para peserta mengenai aspek-aspek keusahawanan sejarah dengan program yang telah mereka ikuti.

Sesungguhnya Program Usahawan Muda telah mampu menyediakan peluang untuk membina kerjaya dan iktuan untuk meraih kejayaan yang sentiasa terbentang luas bagi mereka yang cekal, kreatif dan berfikiran jauh. Konvensyen ini telah diisi dengan pelbagai program iaitu ceramah keusahawanan, kuiz keusahawanan, sukaneka dan kemuncaknya ialah pertandingan persempahan laporan syarikat oleh 14 buah sekolah yang layak bertanding.

## Kursus Lanjutan Memasak Kek, Biskut dan Roti

Dalam konteks untuk membuka minda kaum wanita bahawa memasak bukanlah sekadar tugas harian tetapi satu tugas yang boleh dikomersialkan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) melalui Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK selaku urusetia dengan kerjasama Kelab Bumi Rahmat Kelantan telah menganjurkan Kursus Lanjutan Memasak Kek, Biskut, dan Roti.

Kelab Bumi Rahmat selaku pengendali kursus telah mendapat peruntukan secara One-Off dari MECD sebanyak RM56,000.00. Bagi memastikan keberkesanan kursus kepada para peserta, kursus ini telah dibahagikan kepada lapan sesi yang setiap sesi terdiri daripada 25 orang peserta. Setiap sesi tersebut dipecahkan pula kepada 5 kumpulan membabitkan 5 orang peserta. Sebanyak 15 resepi telah diajar secara intensif yang membabitkan teori, praktikal, perbincangan kumpulan serta komen daripada tenaga pengajar.

Penganjuran kursus ini bukanlah sekadar peluang untuk menambah koleksi resepi sahaja tetapi ianya akan mempertingkat kemahiran para peserta dan boleh di komersialkan. Pada keseluruhan kursus ini telah mendatangkan kesan serta manfaat kepada keseluruhan peserta dan mereka berharap agar kursus seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan



Peserta Kursus Lanjutan Memasak Kek, Biskut & Roti

Majlis Penutup Konvensyen pada tahun ini telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Hj. Annual Bakri b. Haron, Setiausaha Politik kepada YAB. Menteri Besar Kelantan. Hadir sama ialah YBrs En. Zakaria Mat Yusoff, Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Latihan Keusahawanan, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YBrs. Timbalan Ketua Eksekutif (P&P) PKINK dan Pengurus Pembangunan Usahawan PKINK. Pemenang-pemenang bagi acara dan kategori yang dipertandingkan telah menerima hadiah masing-masing pada majlis tersebut.

# Mesyuarat Agung Koperasi Kali ke 24

Saat yang ditunggu-tunggu oleh ahli Koperasi PKINK ialah hari Mesyuarat Agung kerana mereka akan mendapat dividen atas saham mereka dan pelaburan (bagi yang melabur tambahan.) Maka terubatlah masalah kewangan sebahagian daripada mereka. Mesyuarat tersebut telah diadakan pada hari Sabtu 11 Jun 2005 (4 Jamadil Awal 1426.)

Ahli-ahli Koperasi tiba seawal jam 8.00 pagi untuk mendaftar dan mengambil kupon eluan kehadiran dan "lunch" yang berjumlah RM 65.00. Di samping itu, ahli-ahli juga diberi satu kupon kudapan sebagai mengganti kudapan cara Islam (cara hidang.) Kali ini kudapan adalah cara "tapau". Pada pagi itu tempat berlangsungnya mesyuarat, di Dewan Bunga Tanjung,

Hotel Perdana penuh sesak dengan ahli-ahli Koperasi yang berjumlah tidak kurang dari 1,000 orang.


Setelah melantik pengurus mesyuarat dan menjalankan pengundian bagi memilih Ahli Lembaga Pengarah yang baru, majlis telah diserikan dengan satu seminar yang disampaikan oleh seorang "motivator" terkenal iaitu Ustazah Siti Nor Bahiyah Mahmood. Dengan tejuknya "Ibu Bapa Cemerlang di Pejabat, Hebat di Rumah" beliau telah menggamatkan penonton dengan celoteh, pantun dan seloka. Intipati ceramah beliau berkisar di orbit sirah Nabi dan keagungan Tuhan.

Tiada apa-apa perkara baru yang diputuskan dalam mesyuarat pada kali ini. Pertukaran Ahli Lembaga Pengarah adalah perkara biasa. Penyata

kewangan dan bajet telah diluluskan tanpa apa-apa pindaan. Ahli-ahli pulang ke rumah dengan terukir senyum dibibir, setelah penat beratur untuk mengambil wang dividen masing-masing sejurus menjelang waktu Zohor.



"Buaya cemerlang di pejabat, hebat di rumah"- Ustazah Siti Nor Bahiyah Mahmood



Ahli-ahli Koperasi sedang merangkul dan bersama-sama menyambut ahli Lembaga Pengarah Koperasi yang baru



Antara ahli-ahli yang hadir wajib mengurus suruhanjaya

## Kursus Induksi Anggota Baru Kumpulan PKINK

PKINK dengan kerjasama Mahli Training telah menganjurkan Kursus Induksi Anggota Baru Kumpulan PKINK pada 12 - 14 Jun 2005 bertempat di Taman Rehlah, Pantai Bisikan Bayu, Pasir Puteh. Kursus tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Eksekutif (HEK) PKINK, Tuan Hj. Wan Adnan b. Wan Abd Kadir.

Kursus Induksi ini merupakan program wajib yang diadakan khas untuk semua anggota baru Kumpulan PKINK. Program kursus dan latihan ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman kepada semua anggota

baru Kumpulan PKINK mengenai organisasi, peranan dan halatuju PKINK.

Seramai 102 orang anggota dari Ibu Pejabat dan Syarikat Anak telah mendaftarkan diri mengikuti program sepanjang 3 hari ini dengan matlamat:

- Meningkatkan kefahaman dan kesedaran mengenai peranan & tanggung jawab sebenar sebagai ahli PKINK dan Kumpulannya.
- Meningkatkan kefahaman mengenai misi, visi dan objektif PKINK serta kumpulannya sebagai sebuah badan korporat.

■ Meningkatkan kefahaman mengenai dasar dan konsep pentadbiran Islam khususnya berkaitan dengan konsep ubudiyyah, masuliah dan itqan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri

■ Membentuk jati diri dan individu berdisiplin serta berakhlaq mulia. Para peserta telah mengikuti taklimat dan pembentangan kertas kerja serta bengkel sepanjang 3 hari berkursus. Majlis penutup telah disempurnakan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Tuan Haji Hanifa Ahmad.



Bengkel kewajipan



Antara Kumpulan yang membudayakan pembentangan



Ketua Eksekutif sedang menyampaikan posision

## Majlis Menandatangani Perjanjian Jual Beli KB Bazaar

Satu majlis menandatangani perjanjian jual beli KB Bazaar telah diadakan pada 19 April 2005, jam 10.00 pagi bertempat di Bilik Operasi, Tingkat 10, Bangunan PKINK, Kota Bharu.

Seramai lebih kurang 50 orang pembeli lot-lot bazaar telah hadir untuk mendengar taklimat, berbincang dengan pihak bank dan seterusnya menandatangani perjanjian jual beli. Taklimat telah disampaikan oleh Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK, Tn Hj. Hanifa Ahmad. Majlis tersebut telah disaksikan oleh peguam PKINK, Teluan Rithauddeen Aziz yang diwakili oleh En. Roslan dan En. Zubir.

Dalam taklimatnya, Tn Hj. Hanifa menyatakan bahawa pembinaan KB Bazaar telah disiapkan sepenuhnya dan akan memperolehi Sijil Kelayakan Duduk (SKD) daripada MPKB dalam jangka masa terdekat. Sebaik saja KB Bazaar menerima SKD, PKINK akan menyerah kunci kepada pemilik untuk membuat ubahsuai dan seterusnya memulakan operasi.

Dari jumlah 212 unit ruang niaga yang ditawarkan, sebanyak 87 unit telah dijual. Harga-harga yang ditawarkan ialah antara RM90,000 hingga RM151,000.00 se lot.



Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK menyampaikan Taklimat di Majlis Menandatangi perjanjian jual beli KB Bazaar

Tiga buah bank perdagangan di sekitar bandar Kota Bharu telah hadir untuk mengurus pembiayaan ruang niaga tersebut iaitu Bank Islam, Public Bank dan Maybank.



Antara yang hadir di majlis menandatangi perjanjian jual beli KB Bazaar



Pembeli-pembeli sedang tandatangani perjanjian jual beli KB Bazaar

## Perbarisan Mengarak Panji-Panji Rejimen Pertama Artilleri Di Raja Para Sempena Perayaan Keputeraan Sultan Kelantan



Pereguin sedang membawa bendera Kelantan

Satu istiadat mengarak panji-panji Regimen Pertama Artilleri Di Raja Para telah diadakan di Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu pada 16 April lalu.

Bagi menjayakan program tersebut, semua kakitangan Kerajaan Negeri dan Persekutuan telah dijemput hadir beramai-ramai bagi memenuhi Stadium Sultan Muhammmad Ke-IV, Kota Bharu. Pasukan beruniform, murid-murid sekolah dan anggota-anggota kerajaan termasuk anggota PKINK adalah antara


yang hadir. Seramai 100 orang anggota PKINK hadir bagi memeriahkan istiadat tersebut.

**Anggota PKINK turut meraikan Istiadat Perbarisan Mengarak Panji-Panji Rejimen Pertama Artilleri Di Raja Para Bagi Meerayakan Hari Keputeraan KDYMM Al-Sultan Kelantan.**



Antara ratusan rakyat yang hadir menyaksikan istiadat Perbarisan Mengarak Panji-Panji Rejimen Pertama Artilleri Di Raja Para

Istiadat bermula pada jam 9.30 pagi. Pancaragam dari pasukan TLDM telah mengiringi istiadat perbarisan. Panji-panji telah diarak beberapa kali di atas padang dalam barisan yang kemas dan tersusun. Setelah tamat perarakan, satu pertunjukan payung terjun telah dipersembahkan di dalam stadium. Majlis tamat pada jam 11.00 pagi.



KDYMM Al-Sultan Kelantan sedang melaksanakan perbarisan

**AL - FATIHAH**

PKINK telah kehilangan beberapa ahli keluarganya untuk tempoh April hingga Jun 2005, dan semoga Allah s.w.t. mencucuri RahmatNya ke atas roh mereka dan menempatkan bersama-sama golongan para solihin, Al-Fatiyah...



Allahyarham Nor Alisah binti Omar dilahirkan pada 7 Mei 1961 dan memulakan perkhidmatan dengan Binara PKINK Sdn Bhd pada 15 Julai 1995 sebagai Kerani Am (Unit Dokumentasi - Bahagian Pemasaran). Sebelum ini beliau telah bekerja dengan salah sebuah firma guaman di Kota Bharu. Pengalaman Allahyarham yang luas banyak membantu Binara. Pada petang 2 Mei 2005 Allahyarham telah kembali ke Rahmatullah akibat serangan lemah jantung. Allahyarham telah meninggalkan suami Che Aziz bin Nor dan empat cahaya mata, 3 perempuan dan 1 lelaki yang berumur antara 11 tahun hingga 5 tahun.



Allahyarham Maznah binti Mahmud telah dilahirkan pada 13 Jun 1958 dan mula berkhidmat dengan Kompleks Perkayuan Kelantan Sdn Bhd pada 1 November 1983 sebagai Kerani Stok di Sawmill yang terletak di Dabong, Jell, Kelantan. Pada 1 Jun 2005 Allahyarham telah kembali ke rahmatullah akibat sakit serangan strok. Sebelum ini Allahyarham telah bersara awal pada 1 Januari 2004 akibat kesihatan. Allahyarham telah meninggalkan suami Mahamood Haji Ismail dan 3 orang anak lelaki.

Tidak lupa juga kepada ahli keluarga anggota PKINK yang telah kembali mengadap Iah. Pada petang 4 Jun 2005 ayah kepada Nik Ab. Kadir yang berkhidmat di Bahagian Kewangan PKINK telah kembali ke rahmatullah akibat sakit tua. Allahyarham Nik Husian bin Nik Mat meninggal dunia dalam usia 68 tahun dan telah meninggalkan seorang isteri Zaharah binti Senik, serta 2 orang anak lelaki dan 9 orang cucu di rumah kediamannya di Cabang Empat Tok Mek Ngah, Tumpat.

Pada petang 7 Jun 2005 ayah kepada Puan Noorha yang berkhidmat di Bahagian Pembangunan Usahawan PKINK telah kembali ke rahmatullah akibat serangan lemah jantung. Allahyarham Hj. Mohd Zain Hj. Mahmood meninggal dunia di Hospital Pakar Perdana dan selamat disemadikan di tanah perkuburan Islam Pasir Mas. Allahyarham telah meninggalkan seorang isteri Hjh. Fatimah bt Othman, 7 orang anak dan 18 orang cucu dan 5 orang cicit.

Jam 11.00 malam pada Selasa 28 Jun 2005 ibu kepada Puan Nisah Mat yang berkhidmat di Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, telah kembali ke Rahmatullah di rumah kediamannya di Kg. Kota akibat sakit tua. Allahyarham yang berumur 80 tahun telah meninggalkan 4 orang anak dan 18 orang cucu.



*Y.A.Brs. Ust. Hj. Wan Ismail Wan Jusoh, Pengurus Binara PKINK Sdn Bhd sedang menyampaikan zakat bayaran pemasaran insurans keluarga berkecimpung dengan Syarikat Takaful Malaysia Bhd yang d'uruskan oleh Xperior PKINK Bhd kepada Ahmad Mizamuddin, anak bongsu Allahyarham Nor Alisah Omar dengan ditutupi oleh Ibu dan kakak-kakak beliau. Ia turut disaksikan oleh Tuan Haji Mohamed Ismail. Pengura*

**Kursus Pertolongan Cemas HP bersama PBSM**

Bahagian Sumber Manusia Hotel Perdana Sdn Bhd, dengan objektif untuk mendedahkan kakitangannya kepada situasi apabila berdepar dengan kejadian yang mungkin berlaku di kolam renang atau dimana-mana sahaja telah mengadakan Kursus Pertolongan Cemas yang dikendalikan oleh Persatuan Bulan Sabit Merah, Cawangan Kelantan pada 23 April, 7 Mei dan 14 Mei 2005 bertempat di Dewan Bunga Emas, Hotel Perdana. Di samping dapat memberi pendedahan dan menambah pengetahuan kakitangan, kursus ini juga dapat memupuk semangat tolong menolong yang lebih tinggi di antara anggota.

Seramai 25 orang kakitangan Hotel Perdana dari semua bahagian telah menyertai kursus tersebut. Peserta yang terlibat juga dikehendaki menduduki peperiksaan bagi melayakkan mereka mendapat Sijil Pertolongan Cemas. Peserta didedahkan kepada jenis-jenis luka seperti luka terbuka dan luka tertutup, pendarahan, kejutan elektrik, renjatan, keracunan, pitam dan teknik-teknik CPR.

Resusitasi kardiopulmonari (CPR) adalah penghubung penting di dalam kitar mendirikan jantung terhenti atau pernafasan terhenti. Dengan cara bantuan pernafasan mulut ke mulut (ataupun pernafasan bantuan dengan cara lain) dan tekanan dada, darah yang mengandungi oksigen akan terus mengalir ke otak dan organ-organ penting hingga rawatan perubatan sewajarnya tiba untuk memulihkannya.

*Teknik berjalan bantuan tekanan dada*



*Anggota Hotel Perdana yang mengikuti Kursus Asas Pertolongan Cemas anggotar bersama Hotel Perdana dan PBSM*

**Syarahan Maulidur Rasul**

Mengingati keputeraan Nabi Muhammad S.A.W. perlulah disuburkan selalu agar ingatan kita kepada sejarah Islam dan Rasul terus segar. Rasulullah adalah merupakan inspirasi sepanjang zaman kerana Allah S.W.T telah menonjolkan Rasulullah kepada umat Islam agar menjadi contoh dan teladan kepada umat manusia. Rasulullah adalah merupakan ayah yang terbaik terhadap anak atau cucu, sebagai suami yang terbaik terhadap isteri dan sebagai pemimpin contoh kepada pemimpin masyarakat. Inilah yang dikatakan Rasulullah S.A.W sumber inspirasi umat Islam.

Justeru itu, satu Syarahan Perdana sempena Maulidur Rasul telah diadakan pada 30 Rabilulawal 1426 bertempat di Bilik Operasi Tingkat 10, Bangunan PKINK. Syarahan telah disampaikan oleh penceramah jemputan, YB. Ust. Ismail Noh, Ahli Parlimen Pasir Mas. Syarahan tersebut telah dihadiri oleh kira-kira 100 orang anggota Kumpulan PKINK, termasuk Ketua Eksekutif, Timbalan-Timbalan Ketua Eksekutif, Pengurus-Pengurus PKINK dan juga Pengurus-Pengurus Besar Syarikat Anak Kumpulan PKINK.

*bersambung m. surat 10*

## Cara Menjaga Mata

Semakin bertambah usia, semakin rabunah seseorang. Bagi mengurangkannya, seelok-lelok pastikan mata dijaga dengan sebaiknya. Jika membaca, hendaklah memastikan jarak antara mata dan buku itu sentiasa di dalam keadaan betul. Pastikan cahaya yang mencukupi ketika membaca dan apabila melakukan sebarang aktiviti yang mungkin dapat mengganggu mata, hendaklah memakai pelindung mata.

Selain itu jika berada di luar rumah, pakailah kaca mata pelindung yang dapat melindungi mata dari sinar ultraviolet untuk mencegah penyakit mata, contohnya katarak (kekeruhan pada lensa mata).

Jika mempunyai masalah rabun dekat yang serius (600 darjah atau lebih), lakukan pemeriksaan mata dengan teratur. Apabila memakai kanta lengkap, hendaklah melakukan pemeriksaan mata pada setiap tahun atau menurut arahan doktor mata anda.

Apabila setiap individu mencapai umur 45 ke atas, sebaik-baiknya lakukanlah pemeriksaan mata setiap dua kali setahun. Ini adalah bagi mencegah penyakit glaukoma (tekanan bola mata meningkat). Gejala-gejala glaukoma ialah penglihatan kabur, melihat bulatan pada objek dan selalu kesakitan.

Apabila anda meningkat umur sekitar 45 tahun dan ke atas, masalah

rabun dekat (ketidakmampuan melihat/membaca pada jarak dekat) akan terjadi, masalah ini tidak perlu dirisaukan. Apa yang perlu anda lakukan ialah memakai kaca mata bifocal (kaca mata di mana setengah bahagian atas untuk melihat jauh dan bahagian bawah untuk melihat dekat) dan perlu mendapat nasihat doktor mata anda.

Apabila anda menderita penyakit kencing manis, periksa mata setiap tahun. Komplikasi pada mata boleh terjadi kepada penderita diabetes yang mempunyai kadar gula yang tidak terkawal.

### RUANGAN ICT

## 20 Usahawan Mara Ber-IT

Satu Majlis Perasmian Penutup Kursus IT Usahawan MARA telah diadakan pada 21 Jun 2005 yang lalu bertempat di Bilik Operasi PKINK yang telah dilakukan oleh Pegawai MARA Negeri, Encik Sulaiman Hj. Rashid. Kursus selama 3 hari tersebut melibatkan 20 orang usahawan MARA dan telah diadakan di Makmal Komputer MIS, Tingkat 7, Bangunan PKINK.

Usahawan tersebut telah mengorak se langkah ke hadapan dan dide dahkan kepada era IT melalui kursus perakaunan berkomputer sulung bagi tahun 2005. Mereka telah diperkenalkan dengan perisian Sistem Perakaunan Berkomputer Quick Use di bawah kendalian Perfect Acceptance Sdn Bhd.

### TMERP SOLUTION FOR GROWING BUSINESS

TM (Telekom Malaysia) telah bekerjasama dengan Bahagian MIS, PKINK mengadakan satu taklimat bertajuk **TMERP SOLUTION FOR GROWING BUSINESS** di Bilik Operasi, Tingkat 10, Bangunan PKINK pada 23 Jun 2005.

Taklimat tersebut telah dihadiri oleh jemputan dari Kumpulan PKINK dan Perpustakaan Negeri. Dalam majlis

yang sederhana, hadirin telah dide dahkan dengan lebih terperinci berkenaan dengan aplikasi yang ditawarkan oleh TM melalui sesi demo dan soal jawab.

Apa yang menarik berkenaan dengan aplikasi ini adalah ianya berdasarkan web, dan pelanggan hanya perlu melanggan secara bulanan tanpa perlu memikirkan atau mengeluarkan kos dalam penyediaan komputer pelayan, senggaraan atau keselamatan sistem. Hanya melalui sebuah komputer yang mempunyai capaian internet sudah memadai untuk menggunakan TMERP!

Usahawan MARA yang mengikuti kursus perakaunan berkomputer di makmal komputer PKINK



TM dengan kerjasama Bahagian MIS PKINK mengadakan taklimat bertajuk **TMERP SOLUTION FOR GROWING BUSINESS**



sambungan dari muka surat 9

### Syarahan Maulidur Rasul

Islam menunjukkan cara hidup yang baik. Apa jua yang dianjurkan oleh Islam hendaklah dipatuhi sepenuhnya. Kita tidak mampu menyediakan seorang polis bagi menjaga seorang rakyat. Oleh itu, sebagai seorang insan yang beragama Islam, kita mestilah mengambil panduan bahawa di kiri kanan kita ada "polis" yang kerja mereka mencatat amalan baik dan jahat. Apabila tiba di akhirat nanti, rekod amalan setiap orang akan dibuka di hadapan Tuhan dengan disaksikan oleh semua makhlukNya. (Seseorang yang takut berasa malu di akhirat nanti hendaklah mencegah dirinya daripada membuat maksiat kerana setiap perbuatannya direkod oleh malaikat.)

Majlis tamat kira-kira jam 10.05 pagi dengan berselawat beramai-ramai ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W.



Syarahan Pendana sempena Maulidur Rasul dilaksanakan oleh PB Ust. Jamaludin



Anggota Kumpulan PKINK yang hadir berselawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W.

## PKINK Johan Badminton Antara Regu (Berpasukan) Piala Pusingan YAM Tengku Temenggong Kelantan

**Kota Bharu**, 22 Mei 2005 pasukan badminton PKINK telah muncul juara pada Kejohanan Badminton Antara Regu (Berpasukan) Piala Pusingan YAM Tengku Temenggong Kelantan.

Kejohanan yang pertama kali diperkenalkan itu bermula pada 20 Mei dan berakhir pada 22 Mei 2005. Hadiah kejohanan telah disampaikan oleh YAM Tengku Temenggong Kelantan.

Sambutan kejohanan tersebut amat menggalakkan walaupun ianya pertama kali diadakan, di mana seramai 41 pasukan telah menghantar penyertaan.

PKINK telah menghantar 3 pasukan yang terdiri dari Pasukan PKINK A, PKINK B dan PKINK C. Pasukan PKINK B telah kecundang pada peringkat suku akhir kepada pasukan TNB Kelantan 1-2. Manakala Pasukan PKINK A dan PKINK B telah berjaya mara ke pusingan akhir.



Bergambar bersama DYMM Raja Perempuan Kelantan selepas perlawanan akhir dimulakan

Pada Perlawanan Akhir Pasukan PKINK C berjaya menundukkan Pasukan PKINK A 2-1. Ketua Eksekutif Kumpulan PKINK telah menerima hadiah dari YAM Tengku Temenggong Kelantan.

Pasukan PKINK C diwakili oleh Abd. Rahmat Abdullah, Nik Adlilah Nik Ahmad Damion, Mohd Faris Mahmood, Shahidan Abd. Rashid, Azza Fakri, Nik Md. Kamal Nik Yusoff dan Ab. Ghani Taib.



Rahmat Eksekutif Kumpulan PKINK sedang menerima Piala Pusingan daripada YAM Tengku Temenggong Kelantan

### PKINK Johan Kejohanan Boling Jemputan PKNP

Sempena sambutan ke 40 tahun Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang, satu kejohanan Boling Jemputan telah dianjurkan oleh PKNP dengan menjemput kesemua PKEN-PKEN dan Agensi-Agenzi Swasta.

Kejohanan tersebut telah diadakan di Mega Lanes, Kuantan pada 21 Mei 2005. Pertandingan ini telah disertai oleh 48 pasukan.

PKINK telah menghantar 2 pasukan yang terdiri dari Pasukan PKINK - A dan PKINK - B. Dengan mengumpul mata keseluruhan 5,765 jatuhan pin, Pasukan PKINK - A telah muncul Johan Keseluruhan.

Dalam acara perseorangan, pemain PKINK menduduki tempat ke 3 dan ke 4, manakala dalam acara beregu pasukan, PKINK - A menduduki tempat ke 2 dan dalam acara trio pasukan, PKINK - A muncul juara.

Pasukan PKINK - A telah diwakili oleh Mohd Yusoff Ali, Ibrahim Yateng dan Hassan Ab. Rahman.

### PKINK Adakan Perlawanan Sukan Persahabatan dengan MSN Kelantan

Perlawanan sukan persahabatan antara PKINK dan MSN Kelantan adalah bertujuan memantapkan pasukan Majlis Sukan Negeri Kelantan ke Festival Sukan Majlis Sukan Negeri-Negeri Se Malaysia pada 29 Jun hingga 4 Julai 2005 bertempat di Negeri Sarawak.

Perlawanan persahabatan adalah dalam acara sukan Ping Pong, Kerom dan Bola Tampar. Dalam perlawanan Kerom, Pasukan PKINK menang 4 - 1. Sementara, bagi perlawanan Ping Pong, Pasukan PKINK kalah 2 - 3. Dalam Perlawanan Bolatampar, Pasukan PKINK Menang 2-1.



Pasukan PKINK A dan PKINK B bersama Piala Pusingan

### Kejohanan Badminton Terbuka Kuala Krai

**Kuala Krai**, 23 April 2005- Pasangan regu badminton PKINK Nik Adlilah dan Syed Hafiz telah muncul Johan Badminton Terbuka Kuala Krai.

Kejohanan tersebut telah diadakan pada 21 - 23 April 2005 dengan PKINK telah menghantar 5 regu. Penyertaan Pasukan PKINK adalah atas tajaan Syarikat Binaraya PKINK Sdn Bhd. 3 regu pasukan PKINK telah berjaya memasuki peringkat akhir dan 2 daripadanya layak ke perlawanan akhir.

Tempat kedua dimenangi regu PKINK yang terdiri dari Ahmad Mab'us dan Mohd Afiq manaka tempat ketiga dimenangi regu PKINK Abdul Hafiz Ikmal dan Abdul Halim.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh YB Dr. Shamsul Ikhwan Dato' Ashaari Azmi.

*Dengan bapa jangan derhaka  
Supaya Allah tidak murka*

*Dengan ibu hendaklah hormat  
Supaya badan dapat selamat*

*Dengan anak janganlah laju  
Supaya boleh naik ke tengah balai*

# PROJEK PERUMAHAN DAN KOMERSIAL KUMPULAN PKINK

## PKINK



1. Kelantan Trade Centre (KTC)  
Seksyen 14, Jalan Bayam  
Kota Bharu.  
(Bersebelahan Hospital Pakar Perdana)  
 Ruang Niaga RM320 ka/per.  
 Ruang Pejabat RM220 ka/per
2. KB Bazaar  
Seksyen 16, Jalan Hamzah  
Kota Bharu.  
(Bersebelahan KB Mall)  
 Harga dari RM90,100  
dengan keluasan 200 k/per

## KELKON SDN BHD

1. 87 unit Rumah Teres 1 tingkat,  
Taman Sri Rusmah,  
Tanah Merah  
 Harga dari RM75,000
2. Desa Orkid, Kemumin Pengkalan Chepa
  - a. Banglo 2 tingkat  
 Harga dari RM288,000
  - b. Banglo 1 tingkat  
 Harga dari RM 245,000
  - c. Teres 2 tingkat (22 ka x 70 ka)  
 Harga dari RM150,000
  - d. Teres 1 1/2 tingkat (22 ka x 70 ka)  
 Harga dari RM125,000



## BINARAYA PKINK SDN BHD



1. Rumah Teres 1 Tingkat, Perumahan PKINK Machang, Fasa IV (dalam pembinaan)  
 Harga dari RM73,000
2. 31 unit Rumah Teres 2 tingkat Perumahan PKINK Machang, Machang IVB
3. 27 unit Banglo 1 tingkat, Taman Sri Mesa Binaraya, Gual Periuk, Pasir Mas, Fasa 1B  
(dalam pembinaan)  
 Harga dari RM114,900
4. Rumah Teres 1 tkt. Taman Sri Mesa Binaraya, Gual Periuk, Pasir Mas, Fasa II  
(dalam pembinaan)  
 Harga dari RM70,000
5. 54 unit Rumah Teres Desa Ar-Rahman Binaraya Sungai Durian Fasa 1A  
 Harga dari RM70,000
6. Pangsapuri Sri Kemumin, 5 tingkat berlif  
 Harga dari RM117,875 - RM135,125  
(untuk bukan bumiputera)  
 Diskaun 15% untuk bumiputera

## KOPERASI PKINK BHD



18 unit Banglo 1 tingkat Pengkalan Chepa  
Kota Bharu.  
 Harga dari RM250,000